

## Joget Melayu Istana Tarian Gamelan Menerusi Kaedah Sejarah Lisan

Nabilah Mohamad Amran  
Wan Nur Afifah Wan Zin  
Irwan Kamaruddin Abdul Kadir  
Alwi Mohd Yunus

**Fakulti Pengurusan Maklumat,  
UiTM Kampus Puncak Perdana**

Jalan Pulau Indah AU10/A, Puncak Perdana, 40150 Shah Alam, Selangor

### *Abstrak*

*Tarian gamelan merupakan sebuah tarian Istana. Kemudian telah berkembang di kalangan masyarakat umum bagi mengelakkan daripada tarian ini pupus ditelan zaman. Setiap lagu dalam tarian ini mempunyai penceritaannya yang tersendiri. Kajian ini mempunyai 3 objektif. Pertama, untuk mengenalpasti sejarah dan perkembangan tarian gamelan. Kedua, untuk mengetahui alatan muzik serta lagu yang digunakan. Ketiga, untuk mengenalpasti kostum dan aksesori yang dipakai oleh penari dalam tarian ini. Tarian ini juga tatatertibnya yang tersendiri.*

Kata kunci: tarian gamelan, gamelan melayu, lagu gamelan, alat muzik gamelan, kostum gamelan.

### **Pengenalan**

'Gamelan memberi maksud seperangkat alat muzik yang berasal daripada Jawa yang terdiri daripada gong, gendang dan sebagainya menurut Kamus Pelajar Edisi Kedua. Menurut Nur Zuraidah Binti Mohamad (2012) dalam tesisnya ada menyatakan 'Penceritaan' pula bermaksud perihal yang menceritakan atau pengutaraan watak yang istimewa dalam sesuatu tarian. 'Joget' dikenali sebagai lagu dan tarian yang rancak iramanya manakala 'Tari' atau 'Tarian' adalah pergerakan badan, tangan serta kaki secara berirama mengikut rentaknya.

Menurut satu artikel yang ditulis di Portal Rasmi Gamelan Terengganu (2013), tarian gamelan dikatakan mempunyai 39 tarian dan sebahagian daripadanya dicipta sendiri oleh Tengku Ampuan Mariam yang merupakan bekas penaung utama tarian gamelan di Terengganu. Dahulunya, hanya terdapat 8 orang penari dalam satu persembahan dan iringi alat muzik seperti gambang, bonang, kenong, gendang ibu dan gendang anak untuk membuat persembahan cerita. Muzik serta tarian gamelan ini biasanya dimainkan di majlis rasmi, persembahan perkahwinan di dalam istana.

### **Asal usul dan perkembangan tarian gamelan**

Tarian gamelan pada asalnya adalah sebuah tarian diraja yang dimainkan di Riau-Lingga sebelum dibawa ke Tanah Melayu oleh Sultan Ahmad yang merupakan keturunan Bendahara Tun Ali di Pahang dan dikenali sebagai 'Joget Pahang'. Kemudian diperkenalkan di kerajaan Terengganu apabila Tengku Mariam, anak perempuan Sultan Ahmad bersuamikan Tengku Sulaiman putera kepada Sultan Zainal Abidin III.

Berdasarkan daripada pengkisahan yang diceritakan untuk tujuan kajian ini pada tahun 1811, penari dan pemuzik dari Pulau Penyengat, Riau-Lingga ke negeri Pahang melalui persembahan perkahwinan diantara Tengku Hussain dengan Wan Esah adinda kepada pemerintah Pahang Bendahara Tun Ali. Buat pertama kalinya gamelan tiba di Tanah Melayu namun tidak ada dokumentasi yang kukuh cuma menurut pendapat pakar sejarah sahaja. Pada tahun 1882-1914, tarian gamelan di Pahang mula diperkenalkan ketika pemerintahan Sultan Ahmad Muadzam Shah. Tengku Ampuan iaitu Wan Fatimah telah meningkatkan muzik gamelan dan diikuti oleh isteri kedua Sultan iaitu Che Bedah. Che Bedah merupakan seorang Cina muslim dan melalui perkahwinan beliau dengan Sultan Ahmad, mereka dikurniakan seorang puteri yang bernama Tengku Mariam. Isteri-isteri Sultan Ahmad mempunyai kumpulan tarian gamelan sendiri dan mereka bersaing antara satu sama lain. Sultan Ahmad pernah menjemput Sir Frank Swettenham seorang pegawai british untuk menyaksikan persembahan gamelan di istana Pahang pada tahun 1875 dan yang menariknya dalam penulisan Frank Swettenham itu beliau mencatatkan di dalam '*A Malay Nautch*' menurut buku

yang ditulis oleh Farizan Mohamad Razuri & Muhd Yunos@Redza Arham (2017), *"Had the performance I now describe nearly resembled any of those commonly seen here, or in the Peninsula, there could be little interest in this description, but in the belief that the sight as I saw it is a rare one, seldom witnessed by Europeans, and so far undescribed, I have ventured to offer it, as it may, to some, be interesting."* [kalau lah persembahan yang saya saksikan ini biasa-biasa sahaja, biasa ditonton di mana-mana saya tidak akan sebut tentang perkara ini, saya tidak akan mencatatkan apa-apa tentang perkara ini tetapi kerana persembahan yang saya saksikan ini sangat luar biasa, jarang disaksikan oleh orang-orang barat dan jarang dipersembahkan ditempat-tempat lain maka saya merasakan persembahan ini sangat istimewa]. Pada tahun 1913 perkahwinan antara Tengku Mariam dengan Sultan Sulaiman telah menyambung kesenian tarian gamelan ke istana Terengganu juga melalui persembahan majlis perkahwinan kerana pada tahun 1914 telah mangkatnya Sultan Ahmad ayahandanya Tengku Mariam dan tarian gamelan di Pahang telah lenyap kerana penyambung takhta tidak berminat dengan kesenian tarian gamelan ini.

Pada 1920, selepas kemahkotaan Sultan Sulaiman, usaha dipergiatkan dengan membawa bekas penari Pahang, Yang Khoja dan Cik Meriam untuk melatih penari Terengganu yang dinaungi oleh Tengku Ampuan Mariam sendiri. Demikian pula, Wan Mohd, Wan Ahmad & Ahin, bekas pemain muzik Pahang bersama melatih kumpulan Terengganu yang diketuai oleh Sultan Sulaiman. Sehingga 1936, sultan dan permaisuri berjaya memiliki set gamelan sendiri. Pelbagai lagu dan tarian dicipta termasuk Lambang Sari, Geliung, Ketam Renjong, Togok, Gagak Seteru, Lancang Kuning dan sebagainya. Tengku Ampuan Mariam telah menulis sebuah manuskrip mengenai tarian sementara Sultan Sulaiman telah bertanggungjawab menukarkan nama 'Joget Pahang' kepada 'Joget Gamelan Terengganu'.

Pada tahun 1942, berlaku dua perkara yang menyebabkan tarian gamelan di Terengganu sunyi sepi. Pertama berlakunya Perang Dunia II dimana keadaan tidak mengizinkan untuk melakukan tarian kerana semua orang takut untuk keluar rumah serta untuk membuat bunyi bising. Kedua apabila mangkatnya Sultan Sulaiman penaung utama kepada tarian gamelan ini.

Kemangkatan Sultan Sulaiman menyebabkan set gamelan tersimpan rapi di Istana Kolam tempat kediaman Tengku Ampuan Mariam. Tengku Ampuan Mariam berpindah ke Istana Kolam dengan membawa set gamelan bersama bekas penarinya, Adnan Abd. Selain itu, pemuzik-pemuzik gamelan keluar dari istana untuk membuat pekerjaan lain.

Mubin Sheppard adalah seorang pengkaji sejarah juga menurut portal rasmi arkib negara merupakan '*First Keeper of Public Records*' (sekarang dikenali sebagai Arkib Negara Malaysia) muncul pada tahun 1966 di Istana Kolam untuk melihat seni ukiran kayu namun terpandang akan set gamelan dan beliau menanyakan kepada Tengku Ampuan Mariam "apakah benda ini, bagaimana ianya dimainkan?" dan meminta Tengku Ampuan Mariam untuk membuat persembahan di hadapan beliau. Oleh itu, Tengku Ampuan Mariam telah memanggil kembali pemuzik-pemuzik dan mereka membuat kemunculan semula pada tahun 1967 yang dirakam oleh Jabatan Radio Malaysia.

### **Tarian dan penceritaanya**

Hasil daripada temubual ini, terdapat 7 tarian yang masih diteruskan. Pertama Tarian Topeng, Topeng ini sebenarnya dikatakan tarian sambutan kepada wira-wira yang baru pulang dari peperangan untuk menghadap raja. Kedua Tarian Timang Burung, tarian ini dikatakan penari membuat pergerakan berasaskan pergerakan burung kerana menceritakan mengenai burung kesayangan Tuan Puteri Raden Galoh Cindera Kirana salah satu watak penting dalam Hikayat Panji Semerang. Jadi tuan puteri ingin menzahirkan kecintaan baginda kepada burung kesayangan baginda, jadi baginda meminta penari-penari untuk meniru aksi burung menggunakan kipas. Ketiga Tarian Togok, Togok ini juga adalah satu tarian yang meniru aksi burung tetapi perkataan Togok itu sebenarnya adalah nama kepada salah satu watak dalam Hikayat Panji Semerang. Keempat Tarian Ayak-Ayak, tarian ini tidak ada penceritaan yang khusus tetapi dia lebih kepada estetika-estetika gerak tari kerana setiap penari, menari mempersembahkan gerak-gerak biasa dipertemui dalam persembahan tarian gamelan.

Kelima Tarian Lambang Sari, Lambang Sari ini menceritakan tentang sekumpulan puteri-puteri sedang bermain di taman, tarian ini akan membuat pergerakan seperti bersiram jadi ia menunjukkan pergerakan mandi dengan mengangkat tangan dan membuat gerak mandi dan menyimbah air ke kepala, selepas itu ia juga mempunyai pergerakan bersolek seperti melakukan pergerakan lalukan jari ke mata, memakai celak, memakai gincu ke bibir, selepas itu gerak memancing ikan, puteri-puteri ini memancing ikan jadi ia membuatkan selendang seumpama kail dan ia mengerak-gerakkan selendangnya seperti menangkap ikan. Keenam Tarian Perang Manggung, Perang Manggung ini ianya berkisarkan kisah berlaga ayam, berlaga ayam disini membawa maksud dua orang penari akan membuat pergerakan berlaga ayam kemudian kerana tidak puas hati berlaga ayam itu menyebabkan berlaku tikam menikam yang merujuk kepada apa yang berlaku dalam watak Hikayat Panji Semerang itu antara Raden Galoh Cindera Kirana dengan heronya Raden Ibnu Kerta Pati ketika itu mereka saling menyamar dan tidak mengenali antara satu sama lain tetapi apabila telah terbunuhnya salah seorang daripada mereka baru mereka perasan bahawa yang terbunuh itu adasalah seorang daripada mereka.

Ketujuh Tarian Geliong. Tarian ini mengisahkan tentang pertukaran anak raja dengan anak menteri yang dikatakan menteri ingin anaknya membesar di istana supaya suata hari nanti mungkin beliau dapat merampas takhta jadi beliau menukarkan bayi yang kebetulan lahir mungkin hampir sama waktu dengan anak permaisuri dan berlakulah pertukaran bayi tersebut dengan adanya pergerakan seperti mandikan bayi, mendodoi bayi dan lain-lain.

### **Kostum dan aksesori**

Kostum penari tarian gamelan melambangkan pakaian yang dipakai di istana. Kostum tersebut adalah baju berlengan paras siku beropol atau berlengan panjang bagi menutup lengan mereka. Kostum penari wanita biasanya berleher bulat (Laman Rasmi Gamelan Melayu,2010). Lazimnya baju tersebut dibuat daripada kain sutera, broked atau songket. Baju tersebut dipadankan bersama kain sarung. Kain sarung tersebut sama ada berlipat sebelah atau berlipat dua belah. Penari-penari turut dihiasi dengan pelbagai


aksesori. Aksesori-aksesori dihiasi di bahagian kepala mahupun kostum tersebut. Gambar dibawah menunjukkan penari yang memakai kostum dan aksesori yang lengkap:



Rajah 1: Kostum lengkap penari tarian gamelan.

Aksesori yang dipakai oleh penari ialah gerak gempu. Gerak gempu meruapkan bunga pecah lima yang menggambarkan tarian itu. Selain itu, gandik. Gandik dikatakan sebagai pemanis dahi yang menutup sebahagian dahi penari. Penari juga memakai cekak leher, teratai, bunga tajuk, gayut tengkuk dan bengkung dan pending serta stoking putih. Gayut tengkuk dipakaikan bagi menutup belakang tengkuk di bawah sanggul. Gayut tengkuk dipasang pada bunga tajuk. Bunga tajuk pula dicucukkan ke sanggul si penari.

Aksesori seperti teratai diperbuat daripada kain broked. Hal ini kerana, baldu merupakan kain yang agak mahal dan susah untuk mendapatkannya pada zaman dahulu. Penari zaman dahulu menjahit aksesori sendiri. Kini, penari hanya menempah aksesori-aksesori tersebut. Aksesori-aksesori turut dihiasi bersama labuci.



Rajah 2: Aksesori-aksesori penari tarian gamelan.


### Lagu

Setiap lagu gamelan mempunyai kisah yang tersendiri. Lagu Perang dimainkan semasa mengiringi babak pertarungan dalam persembahan joget gamelan, contohnya perang melawan burung geroda berdasarkan hikayat lama. Lagu Perang turut dimainkan bagi mengiringi penari keluar dan masuk semasa membuat persembahan.

Lagu Geliong mengisahkan pertukaran anak raja dengan anak menteri. Kisah tersebut berlaku semasa permaisuri sedang asyik mengutip bunga. Lagu Timang Burung mengisahkan burung kesayangan Tuan Puteri Raden Galoh Cindera Kirana. Tuan Puteri Raden Galoh Cindera Kirana merupakan seorang puteri Majapahit di Daha yang mengalami konflik jiwa akibat

kematian bondanya, ayahandanya yang seorang pemarah serta perkahwinan yang ditentang (Siti Rohayah Attan,2000) .

Manakala lagu Ketam Renjung mengisahkan tentang pergerakan ketam di tepi pantai. Lagu Togok dimainkan bagi mengiringi salah satu tarian gamelan yang berkisarkan aksi burung. Gambar dibawah menunjukkan contoh notasi lagu Perang:



Rajah 3: Notasi lagu Perang.

### Alat muzik gamelan

Tarian gamelan sangat unik kerana ia diiringi oleh muzik gamelan. Alat-alat muzik gamelan dimainkan semasa melakukan persembahan. Set gamelan yang ditemui di Istana Kolam pada tahun 1966 oleh Mubin Sheppard terdiri daripada keromong. Selain itu, beliau turut menemui gambang, saron kecil, saron besar, gendang, gong kecil dan gong besar, serta 3 biji kenong. Faktor peredaran zaman menyebabkan beberapa instrumen daripada ensembel gamelan Jawa seperti saron pekin, bonang penerus diadaptasikan ke dalam ensembel gamelan Melayu pada masa kini. Gamelan Melayu diiringi dengan menggunakan 9 jenis instrumen yang terdiri daripada 7 jenis alat muzik utama. Alat muzik tersebut ialah keromong juga dikenali sebagai



bonang, gambang, saron demung, kenong, gong kecil dan gong besar dan 2 jenis alat muzik dari kumpulan saron iaitu saron barung dan saron peking.

Setiap alat muzik gamelan mempunyai fungsinya yang tersendiri. Keromong merupakan alat muzik utama yang akan memulakan muzik pembukaan. Kemudian, ia diikuti oleh instrumen gamelan yang lain. Gong yang berukuran kecil diperbuat daripada gangsa merupakan alat melodi utama dalam ensembel gamelan. Gambang terdiri daripada sejumlah kepingan kayu keras yang diletakkan di atas kotak kayu. Kotak kayu berfungsi sebagai penyalun bunyi. Kepingan-kepingan kayu dipukul dengan sepasang pemukul kayu yang berbalut. Setiap bilahan kayu mempunyai bunyi yang berbeza. Alat muzik ini merupakan salah satu alat utama yang dimainkan dalam ensemble




Rajah 4: Alat muzik gamelan iaitu keromong dan gambang

Selain itu, Saron kecil memainkan melodi asas lagu-lagu gamelan tradisi istana Melayu. Dalam ensembel gamelan Jawa, Saron kecil dikenali sebagai 'saron barung'. 6 bilah logam bersaiz sederhana di atas tapak kayu bergeronggang berfungsi sebagai penyalun (resonator). Saron besar turut berperanan memainkan melodi asas. Dalam ensembel gamelan Jawa, alat muzik ini dikenali sebagai 'saron demung'. Kenong merupakan alat muzik kolotomik dalam ensembel gamelan Melayu. Kenong menjadi penanda bagi keratan frasa tertentu dalam lagu gamelan. Lazimnya kenong dibunyikan setiap 2 bar ataupun dimainkan secara berselang-seli dengan gong. Adakalanya kenong dibunyikan untuk menegaskan frasa tertentu dalam lagu (accent).



Rajah 5: Alat muzik gamelan iaitu saron kecil, saron besar dan kenong

Gong kecil dan gong besar juga merupakan alat muzik kolotomik dalam ensembel gamelan Melayu. Gong kecil akan dibunyikan apabila menghampiri hujung satu pusingan lagu. Gong besar pula dibunyikan apabila tepat pada not terakhir dalam satu pusingan lagu tersebut. Terdapat juga lagu-lagu tertentu dalam gamelan tradisi istana Melayu dimana gong kecil dan gong besar dibunyikan secara berselang-seli pada setiap 2 bar atau setiap baris lagu. Gendang merupakan alat muzik yang memberikan rentak (rhythm) kepada sesebuah lagu gamelan Melayu. Gendang terdiri daripada baluh kayu dengan kulit binatang seperti kambing, lembu atau kerbau yang diregangkan pada kedua-dua hujungnya. Permukaan hujung yang kecil menghasilkan bunyi 'tak' manakala permukaan hujung yang besar menghasilkan bunyi 'dum'.



Rajah 6: Alat muzik gamelan iaitu gong kecil, gong besar serta gendang.

### **Tatatertib dalam tarian gamelan**

Terdapat beberapa tatatertib dalam tarian gamelan. Yang pertama, hendaklah menghormati alat-alat muzik gamelan. Kita tidak boleh melangkah alat-alat muzik tersebut. Sekiranya hendak lalu, hendaklah lalu di tepi alat-alat muzik tersebut. Manakala, sekiranya hendak mengubah kedudukan alat-alat muzik tersebut, hendaklah mengubahnya dengan elok-elok dan berhemah. Hal ini kerana, alat-alat muzik gamelan dahulu mungkin ada penjaganya kerana ianya disimpan di istana tetapi pada masa kini, ianya lebih kepada menjaga dengan baik.

Dari aspek tarian pula, penari hendaklah memakai kostum yang sebenar dan tidak mengubahsuai kostum tersebut. Hal ini kerana, terdapat penari yang tidak memakai kostum tarian gamelan. Terdapat juga penari yang memakai baju kurung dan kebaya tetapi menari tarian gamelan. Bahkan, aksesori-aksesori juga hendaklah dipakai mengikut tradisi tarian gamelan itu sendiri.

Selain itu, tarian gamelan hendaklah dimulakan dan diakhiri dengan ragam mengangkat sembah. Ragam bermaksud kelompok langkah dalam sesuatu tarian. Posisi tangan dan badan semasa mengangkat sembah bergantung kepada penonton. Jika tarian ini dipersembahkan dihadapan raja, maka hendaklah mengangkat sembah mengikut istiadat di istana. Manakala, jika penonton adalah masyarakat umum, badan penari disengetkan ke sebelah kiri dan posisi tangan pada paras dada sahaja.

### **Kesimpulan**

Kesimpulannya, tarian gamelan merupakan warisan tarian istana yang tidak boleh diperoleh di mana-mana tempat. Keunikan dan keindahan tarian gamelan ini sepatutnya dapat menarik lebih ramai generasi baru untuk mempelajarinya. Bahkan Sir Frank Sweethenham yang merupakan seorang pegawai british merasakan tarian gamelan ini sangat istimewa. Beliau menyaksikan persembahan tersebut buat pertama kalinya ketika dijemput oleh sultan pada suatu malam dan merasakan tarian ini sangat istimewa. Oleh itu, kita sebagai masyarakat Melayu dan warga Malaysia hendaklah memelihara dan memulihara warisan tarian istana ini agar ia kembali

gemilang hingga dikenali di serata dunia. Warisan ini hendaklah dipelihara dan dipulihara kerana di Riau Lingga sendiri telah pupus. Malah, di negeri pahang juga telah pupus. Pihak-pihak bertanggungjawab khususnya Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) hendaklah mempergiatkan usaha untuk menarik lebih ramai masyarakat untuk menceburi tarian gamelan. Institusi-institusi pengajian tinggi mahupun pihak sekolah boleh berusaha menarik minat generasi muda untuk mempelajari tarian gamelan agar ia terus mekar.

### Rujukan

- Laman Rasmi Gamelan Melayu. (2010, April 13). *Kostum dan Hiasan Tarian Gamelan*. Retrieved December 12, 2018, from [http://gamelan.terengganu.gov.my/index.php?option=com\\_content&view=article&id=24&Itemid=54&lang=bn](http://gamelan.terengganu.gov.my/index.php?option=com_content&view=article&id=24&Itemid=54&lang=bn)
- Atan, S. R. (2000, February 12). *Raden Galoh kisah Melayu Nusantara*. Retrieved December 12, 2018, from [http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2000&dt=0212&pub=utusan\\_malaysia&sec=Gaya\\_Hidup&pg=ls\\_02.htm](http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2000&dt=0212&pub=utusan_malaysia&sec=Gaya_Hidup&pg=ls_02.htm)
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2009). *Kamus pelajar: Bahasa Malaysia* (Edisi kedua.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Farizan Mohamad Razuri & Muhd Yunos@Redza Arham (2017). *Buku Panduan Asas Joget Gamelan dan Silat Tari*. Kuala Lumpur: Pusat Kreatif Kanak- Kanak Tuanku Bainun.
- Nur Zuraidah Binti Mohamad. (2012). *Joget Gamelan Terengganu Dari Aspek Penceritaan Dan Cabaran Pemeliharaannya* (Doctoral dissertation, Universiti Malaysia Sarawak). Retrieved from 8 <https://ir.unimas.my/20248/1/Joget%20Gamelan%20Terengganu%20dari%20aspek%20penceritaan...%2824%20pages%29.pdf>
- Portal Rasmi Arkib Negara Malaysia (2011) retrieved from 12 December 2018 <http://www.arkib.gov.my/web/guest/tan-sri-datuk.-dr.-haji-abdul-mubin-shepp>
- Razali Md Amin, Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff, Ab Samad Kechot. (2016) *Komunikasi, Instrumentasi Dan Seni Persembahan Gamelan Melayu Dan Jawa*, *jurnal melayu*, 272-288. retrieved from <http://journalarticle.ukm.my/11904/1/22705-65542-1-SM.pdf>
- Tarian gamelan, Tourism Terengganu Official Website (2013) retrieved from 18 October 2018 [http://www.tourism.terengganu.gov.my/eterengganu/index.php?option=com\\_content&view=article&catid=41%3Aculture-a-heritage&id=332%3Atarian-gamelan&Itemid=283&lang=bn](http://www.tourism.terengganu.gov.my/eterengganu/index.php?option=com_content&view=article&catid=41%3Aculture-a-heritage&id=332%3Atarian-gamelan&Itemid=283&lang=bn)